

BAB I

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Kepentingan ilmu ekonomi kepada masyarakat umum sememangnya tidak dapat dinafikan. Ini adalah kerana ilmu ekonomi mempunyai beberapa ciri yang menarik dan berkait rapat dengan kehidupan manusia. Frankel (1965) mengatakan bahawa pendidikan ekonomi akan membantu seseorang warganegara membuat keputusan-keputusan ekonomi yang akan membawa kepada pembangunan ekonomi, keselamatan, kebebasan dan keadilan.

Persoalan-persoalan ekonomi juga berhubung rapat dengan pelbagai aktiviti dan masalah-masalah berkaitan masyarakat. Horton dan Weidenaar (1975) mengatakan bahawa;

"The aim of economics education is to improve our understanding of the world in which we live. Without this understanding we are frequently confused and unable to identify, analyse and interpret successfully the economic aspects inherent in so much about us."

Laporan Jawatankuasa Bertindak Kebangsaan mengenai Pendidikan Ekonomi (1961) mencadangkan mengenai kepentingan pendidikan ekonomi kepada para pelajar dan warganegara. Laporan itu mengatakan :

"Economic understanding is essential if we are to meet our responsibilities as citizens and as participants in a basically private enterprise economy."

Menurut Rothenberg (1971) terdapat sekurang-kurangnya empat faedah yang akan diperolehi oleh seseorang pelajar sekiranya mereka dibekalkan dengan pengetahuan ekonomi iaitu :

- a) mereka akan menyedari bahawa dalam kehidupan mereka sentiasa terdapat pilihan.
- b) terdapat pelbagai langkah dalam melaksanakan tindakan.
- c) alternatif yang ada tidak semestinya sama seperti apa yang diinginkan dan
- d) penilaian dalam tindakan yang dilakukan sangat bergantung kepada agensi yang terlibat dalam penilaian tersebut.

Satu kajian yang dijalankan oleh Pertubuhan Gallup (1992) mendapati hanya 35% pelajar-pelajar lepasan sekolah tinggi, 39% orang awam dan 51% pelajar-pelajar kolej yang mengetahui mengenai ekonomi dan isu-isu ekonomi semasa. Kajian ini melibatkan 1605 responden yang terdiri daripada pelbagai golongan iaitu pelajar-pelajar kolej, orang awam dan pelajar-pelajar lepasan sekolah tinggi. Dapatan kajian ini mendedahkan kepada kita bahawa masyarakat di negara Amerika Syarikat sendiri yang diketahui sebagai negara maju mengalami masalah yang serius berkaitan pengetahuan masyarakat mengenai ekonomi. Gregory (1994) pula mengatakan bahawa pendidikan ekonomi sama

ada di peringkat rendah, menengah dan sekolah tinggi bukanlah bertujuan untuk melahirkan ahli-ahli ekonomi tetapi apa yang lebih penting ialah melengkapkan para pelajar dengan pengetahuan ekonomi untuk membantu mereka bertindak dengan situasi-situasi ekonomi.

Di negara kita, pendidikan sering kali di anggap sebagai pelaburan jangka panjang yang bertujuan menyediakan tenaga mahir generasi baru yang akan menjawab cabaran masa akan datang. Pendidikan yang disediakan haruslah yang dapat menpersiapkan kanak-kanak dan para pelajar dengan keadaan mereka di masa hadapan. Oleh itu, sistem pendidikan kita mestilah berusaha ke arah membina ketampilan pelajar untuk menyesuaikan diri dengan keadaan yang berubah-ubah dalam sistem ekonomi baru dan dalam lapangan industri. Antara usaha yang dilakukan ialah memasukkan lebih banyak mata pelajaran vokasional di sekolah-sekolah menengah kebangsaan. Mata pelajaran Kemahiran Hidup, Perdagangan, Ekonomi Asas dan sebagainya telah diperkenalkan.

Dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah atau KBSM, subjek Ekonomi Asas telah disediakan untuk memberi ruang tambahan kepada para remaja untuk memberi sumbangan secara berkesan dalam masyarakat. Ini adalah kerana pendidikan Ekonomi bukan sahaja membekalkan kaum belia kita dengan latihan yang diperlukan dengan berkesan malahan juga kemahiran dan kemampuan berfikir. Yip (1987) mengatakan bahawa, Ekonomi menperkembangkan keupayaan pelajar untuk

menganalisis sesuatu isu dengan rasional dan objektif dalam membuat keputusan-keputusan tentang hal-hal ekonomi.

Dalam kehidupan seharian, manusia sentiasa berhadapan dengan hal-hal yang berkaitan dengan ekonomi. Boleh dikatakan sebahagian besar daripada tenaga manusia ditumpukan kepada untuk menyelesaikan masalah-masalah ekonomi yang mereka hadapi. Keadaan seperti ini wujud dalam kehidupan kita disebabkan oleh dua perkara iaitu kelaziman manusia yang mempunyai kehendak yang tidak terhad dan keadaan kesediaan sumber-sumber yang terhad. Dalam keadaan ini, manusia harus membuat pilihan kegunaan alternatif untuk memenuhi kehendaknya. Nyatalah dalam kehidupan kita, membuat keputusan dan membuat pilihan yang wajar dan rasional merupakan perkara yang paling penting, sama ada keputusan itu dibuat di peringkat individu maupun negara. Tambahan lagi dalam abad moden ini ekspetasi manusia terhadap aspek kualiti hidup semakin meningkat.

Selain daripada itu, pendedahan masyarakat dengan isu-isu ekonomi seperti banyak yang dibincangkan di dalam media massa, televisyen, akhbar dan sebagainya. Isu seperti kegawatan ekonomi negara, inflasi, pengangguran, turun naik nilai mata wang, perniagaan saham dan sekuriti dan sebagainya secara langsung atau tidak akan turut menyentuh dan menpengaruhi kehidupan seharian manusia dalam masyarakatnya. Kepesatan yang berlaku dalam perdagangan antarabangsa menjadikan masyarakat negara kita bukan sahaja dipengaruhi oleh perkara ekonomi yang berlaku di negara ini sahaja malahan juga keadaan ekonomi negara lain.

Dalam zaman siber ini kegiatan serta isu ekonomi di peringkat negara dan antarabangsa bertambah kompleks dan canggih. Ini bererti jika kita ingin berfungsi dengan cekap dan rasional, kita perlulah mempunyai kefahaman tentang ekonomi. Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang menuju ke arah mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020 memerlukan rakyat yang mempunyai kesedaran ilmu ekonomi yang tinggi. Sehubungan dengan itu, salah satu cabaran dalam menghadapi Wawasan 2020 adalah memastikan masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi, iaitu masyarakat yang melaksanakan pengagihankekayaan negara secara adil dan saksama. Sememangnya tidak dapat dinafikan lagi bahawa kemajuan sesebuah negara pada masa depan sangat bergantung kepada keputusan-keputusan ekonomi yang bijak yang dibuat oleh seseorang warganegara.

Sebagai sebuah negara yang bgitu tinggi cita-cita dan aspirasinya untuk bertanding dan bersaing dengan negara-negara lain di bidang ekonomi, maka sudah sewajarnyalah kerajaan dan rakyatnya bergiat menjadikan negara ini negara perdagangan dan perindustrian. Dalam usaha membawa rakyat ke arah perindustrian, langkah utama yang perlu dilakukan ialah memberi kesan jangka panjang. Salah satu caranya ialah menperkenalkan ilmu pendidikan ekonomi di peringkat sekolah menengah lagi. Pendedahan awal kepada dunia perdagangan akan mendorong ke arah keterbukaan minda masyarakat ke arah perdagangan dan perindustrian.

1.1 Pernyataan Masalah

Mata pelajaran Ekonomi Asas telah mula diperkenalkan di sekolah menengah sejak tahun 1991. Subjek ini merupakan satu mata pelajaran yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan sebagai persediaan bagi pendidikan Ekonomi di Tingkatan enam. Sejajar dengan kualiti pencapaian pelajar yang agak rendah di dalam mata pelajaran Ekonomi di peringkat STPM, maka mata pelajaran ini diperkenalkan di peringkat yang lebih rendah iaitu di Tingkatan 4 dan 5.

Mata pelajaran ini sudah menjangkau hampir 9 tahun perlaksanaannya, maka dirasakan adalah perlu dinilai mengenai kandungan kurikulum pendidikan yang terkandung di dalamnya. Ini adalah kerana kita perlu memastikan bahawa kandungan ilmu pengetahuan dan kemahiran-kemahiran dalam ekonomi sentiasa sejajar dan relevan dengan perkembangan dan pembangunan negara. Kesesuaian dan keselarisan aspek kandungan mata pelajaran ini dengan keadaan ekonomi dan ledakan ilmu pengetahuan tentunya memerlukan penilaian.

Guru adalah pelaksana utama kurikulum pendidikan. Penilaian guru perlu diambil kira dalam menentukan keselarasan kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas keseluruhan matlamat pendidikan negara dan matlamat dan objektif pendidikan negara, kesesuaian pemilihan dan penyusunan isi kandungan, kelengkapan buku teks dan

sebagainya. Kajian ini dirasakan perlu agar kita dapat mengetahui mengenai penilaian guru terhadap aspek yang telah dinyatakan di atas.

1.2 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini ialah untuk mengetahui penilaian guru terhadap kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas SPM iaitu kandungan Sukatan Pelajaran Tingkatan IV dan V. Pengkaji ingin mengetahui penilaian guru-guru tentang beberapa aspek dalam kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas ini.

Secara khususnya, tujuan kajian ini adalah untuk :

- a) mengkaji penilaian guru terhadap kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas dan keselarasannya dengan Matlamat Pendidikan Negara dan matlamat dan objektif pendidikan Ekonomi Asas.
- b) mengkaji mengenai pengetahuan, kefahaman serta keyakinan guru terhadap aspek kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas.
- c) mengkaji penilaian guru terhadap pemilihan isi kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas dan kesesuaianya dengan kehendak pelajar dan masyarakat.
- d) mengkaji penilaian guru mengenai aspek kesesuaian penyusunan kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas.
- e) mengkaji penilaian guru terhadap kesesuaian kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas dengan tahap kesediaan pelajar.

- f) mengkaji penilaian guru terhadap kandungan buku teks dan kesesuaianya dengan kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas, dan
- g) mengkaji mengenai Huraian Sukatan Pelajaran membantu dan memberi panduan kepada guru-guru melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran.

1.3 Soalan Kajian

Berdasarkan kepada tujuan-tujuan kajian tersebut, beberapa soalan khusus yang berkaitan telah dibentuk untuk menjawab soalan-soalan dalam kajian ini. Soalan-soalan kajian adalah seperti yang berikut:

1. Adakah kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas SPM relevan dengan :
 - a. Matlamat dan Falsafah Pendidikan Negara
 - b. Matlamat Pendidikan Ekonomi Asas.
2. Sejauh manakah kefahaman, pengetahuan serta keyakinan guru terhadap aspek kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas SPM.
3. Adakah pemilihan isi kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas sesuai dengan kehendak pelajar dan masyarakat?

4. Adakah penyusunan kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas sesuai dan memudahkan pembelajaran dan pemahaman para pelajar?
5. Adakah kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas sesuai dengan tahap kesediaan para pelajar?
6. Adakah buku teks yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan dapat menterjemahkan kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas dengan berkesan?
7. Adakah Huraian Sukatan Pelajaran Ekonomi Asas memberi panduan yang khusus dan berguna kepada guru dalam menguasai, memahami dan mengendalikan pengajaran Ekonomi Asas?

1.4 Signifikan Kajian

Penilaian memainkan peranan yang penting dalam sesuatu proses pembangunan dan perlaksanaan sesuatu program . Penilaian kurikulum boleh dilihat sebagai suatu proses mengumpul dan memproses data dan maklumat berkaitan sesuatu program pendidikan. Maklumat dan data ini akan menjadi petunjuk ke atas kejayaan atau kegagalan sesuatu program pendidikan. Dengan itu, keputusan dapat dilakukan mengenai program tersebut.

Walaupun pihak Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan menpunyai kepakaran dan unit penyelidikan untuk menilai kekuatan dan kelemahan dalam pembangunan dan perlaksanaan sesuatu kurikulum dan program pendidikan, pengkaji-pengkaji lain juga boleh memberi maklum balas kepada pihak berkenaan. Oleh kerana setakat ini belum ada kajian yang dijalankan untuk menilai kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas, maka maklumat dan dapatan kajian ini mungkin dapat memberi maklumat berguna kepada pakar-pakar perancang kurikulum, pentadbir dan sebagainya.

Dalam perlaksanaan sesuatu proses kurikulum, guru sentiasa berhadapan dengan pelbagai peranan baru. Oleh itu, sudah sewajarnyalah guru sentiasa mendapat maklumat dan memahami matlamat dan falsafah pendidikan. Pengetahuan dan kefahaman tentang matlamat dan falsafah, kandungan kurikulum dan sebagainya akan menjadikan perlaksanaan program pendidikan menjadi lebih efektif. Maklumat dan dapatan daripada kajian ini diharapkan akan memberi gambaran yang jelas mengenai tahap pengetahuan dan kefahaman guru tentang kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas.

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengetahui penilaian guru-guru terhadap kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas SPM. Maklumat mengenai dapatan kajian ini akan dapat menghasilkan maklumat mengenai penilaian guru terhadap kandungan pendidikan Ekonomi Asas. Dapatan kajian ini akan dapat menjelaskan mengenai penilaian para guru sebagai pelaksana utama kurikulum di bilik darjah.

Sebagai pelaksana kurikulum di bilik darjah, tentunya guru dapat memberi panduan yang berguna kepada para penggubal kurikulum pendidikan di negara kita.

Kajian ini juga diharapkan akan dapat memberi maklum balas yang berguna kepada guru-guru, ibu bapa dan pihak-pihak yang membuat keputusan berhubung aspek kandungan kurikulum pendidikan negara. Dengan ini diharapkan, ia dapat membantu ke arah penghasilan kandungan kurikulum yang berdaya saing sejajar dengan perkembangan pendidikan dan kemajuan negara.

1.5 Peristilahan

Untuk kajian ini, istilah yang terpakai ialah seperti berikut :

1.5.1 Objektif dan Matlamat Pendidikan Ekonomi Asas

Mata pelajaran Ekonomi Asas dilaksanakan di Tingkatan IV dan V di sekolah menengah atas dengan tujuan untuk membekalkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran asas tentang ekonomi serta memupuk nilai-nilai murni. Dengan demikian pelajar dapat menyedari dan memahami masalah ekonomi, menghargai sumbangan segala kegiatan ekonomi serta menyelesaikan masalah sehari-hari dengan berkesan dan bertanggungjawab. Mengikut Huraian Sukatan Pelajaran (1991), objektif mata pelajaran Ekonomi Asas adalah untuk membolehkan pelajar : (Huraian Lajut Sila Rujuk Lampiran B)

1. Memahami konsep dan prinsip asas dalam bidang ekonomi. Pengajaran Ekonomi Asas menyedarkan pelajar tentang konsep-konsep dan prinsip asas berkaitan dengan bidang ekonomi, terutamanya memahami masalah ekonomi yang berkaitan dengan kekurangan dan pilihan serta membuat keputusan yang rasional sebagai seorang pengguna dan pengeluar.
2. Mengaitkan konsep dan prinsip asas yang telah dipelajari dengan pengalaman sehari-hari. Pelajar berkebolehan untuk menghubungkan konsep dan prinsip asas ekonomi dengan kehidupan sehari-hari, khasnya konsep penggunaan dan pengeluar terangkum hubungannya dengan isi rumah dan firma.
3. Mempertingkatkan minat, bakat dan sikap ingin tahu terhadap fenomena ekonomi. Pelajar harus berusaha dalam peningkatan minat, bakat dan sikap ingin tahu terhadap bidang ekonomi, masalah ekonomi dari segi mengkaji kegiatan pendapatan, perbelanjaan, tabungan, pinjaman dan pelaburan.
4. Menyedari dan memahami isu dan masalah ekonomi semasa. Pelajar akan dapat men perkembangkan kesedaran dan pemahaman tentang isu dan masalah ekonomi semasa, terangkum aktiviti penggunaan dan pengeluaran dari segi isi rumah dan firma. Sehubungan itu, pelajar harus memahami kegiatan isi rumah dan firma yang saling berkait rapat
5. Menggunakan ilmu dan kemahiran yang dipelajari supaya dapat memainkan peranan sebagai pengguna, pengeluar dan anggota masyarakat yang rasional dan bertanggungjawab.

6. Mengamalkan dan menghayati nilai-nilai sosial dan ekonomi yang baik serta membuat keputusan yang bertanggungjawab untuk kesejahteraan diri, masyarakat dan negara.

1.5.2 Kandungan Kurikulum Pendidikan Ekonomi Asas

Kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas bagi Tingkatan IV memberi pemahaman kepada pelajar tentang masalah ekonomi dan hubungannya dengan aktiviti individu dari aspek pendapatan, perbelanjaan, tabungan, pinjaman dan pelaburan. Pelajar akan diberi penerangan tentang konsep pengguna dan pengeluar serta kaitannya dengan konsep isi rumah dan firma.. Di peringkat ini juga pelajar diperkenalkan dengan konsep permintaan dan penawaran serta interaksi dan hubungan antara kedua-duanya dalam pasaran.

Kandungan pelajaran bagi Tingkatan V memberi tumpuan kepada peranan wang dan institusi kewangan di samping memberi pemahaman kepada pelajar tentang perkembangan ekonomi negara, sebab dan akibat pertumbuhan ekonomi dan peranan kerajaan dalam pembangunan ekonomi negara. Tumpuan juga diberikan kepada penglibatan individu untuk memajukan sektor desa serta peranan dan sumbangan sektor tersebut dalam pembangunan ekonomi negara.

Kandungan mata pelajaran Ekonomi Asas telah disusun dalam lapan tajuk iaitu :

Untuk Huraian Lanjut : Rujuk Lampiran C)

1. Pengenalan Kepada Ekonomi
2. Individu Sebagai Pengguna, Pengeluar, Penabung, Peminjam dan Pelabur.
3. Isirumah Sebagai Pengguna
4. Firma Sebagai Pengeluar dan
5. Pasaran

Tajuk-tajuk di Tingkatan V pula ialah :

1. Wang Dan Institusi Kewangan
2. Ekonomi Negara dan
3. Hubungan Ekonomi Antarabangsa.

1.5.3 Kurikulum

Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran (1979) mendefinisikan kurikulum sebagai segala rancangan pendidikan yang dikendalikan oleh sesebuah sekolah ataupun sesebuah institusi pelajaran untuk mencapai matlamat pendidikan. Seterusnya kurikulum sekolah ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu :

- i. Bahagian yang meliputi sukanan pelajaran dan kandungan mata pelajaran serta segala kegiatan pengajaran dan pembelajaran.

- ii. Bahagian yang meliputi kegiatan pendidikan luar bilik darjah (ko-kurikulum) seperti kegiatan sukan, persatuan, pasukan pakaian seragam dan lain-lain.

1.5.4 Pendidikan Ekonomi Asas

Ekonomi ialah pengetahuan mengenai cara-cara masyarakat mengatur dan menyediakan dirinya dalam menghadapi masalah kehendak manusia yang tidak terhad dan sumber-sumber yang terhad berhubung dengan kehendak tersebut. Secara khususnya ekonomi ialah satu disiplin ilmu yang mengkaji bagaimana manusia menyelesaikan masalah kekurangan sumber berbanding kehendak yang tidak terhad. Ekonomi juga merupakan alat-alat yang digunakan untuk menganalisis dan mengukur aktiviti ekonomi.

1.5.5 KBSM

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah dilaksanakan dengan sepenuhnya mulai tahun 1989. Kurikulum ini melibatkan persekolahan peringkat menengah rendah dan menengah atas. Kurikulum peringkat menengah rendah berupa perkembangan dari kurikulum sekolah rendah iaitu menperkuuhkan lagi pendidikan asas dan menperkenalkan pendidikan umum yang juga merangkumi aspek-aspek pendidikan pra-vokasional.

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah ini digubal berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut iaitu : (Huraian Sila Rujuk Lampiran D)

- i. Kesinambungan pendidikan rendah dan pendidikan menengah.
- ii. Pendidikan umum untuk semua pelajar.
- iii. Penggunaan disiplin ilmu yang ada.
- iv. Kesepaduan antara unsur-unsur jasmani, emosi, intelek dan rohani.
- v. Penekanan terhadap nilai-nilai murni.
- vi. Peningkatan penguasaan am.
- vii. Pendidikan seumur hidup.

1.5.6 Huraian Sukatan Pelajaran

Iaitu satu dokumen bertulis yang mengandungi satu program pengajaran dan pembelajaran sesuatu mata pelajaran. Huraian Sukatan Pelajaran juga ialah bahan asas yang menerangkan rasional atau matlamat, objektif mata pelajaran tersebut, organisasi kandungan, strategi pengajaran dan pembelajaran, agihan waktu dan huraian sukatan. Dalam aspek huraian sukatan ini terkandung topik dan kandungan mata pelajaran, kemahiran-kemahiran yang perlu dicapai, nilai-nilai murni yang perlu diserapkan dan ruang catatan.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini adalah untuk melihat penilaian guru terhadap aspek kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi. Tumpuan kajian ialah mengenai keselaruan antara kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas dengan Matlamat Pendidikan Negara dan matlamat dan objektif pendidikan Ekonomi Asas. Kajian ini juga ingin melihat penilaian guru terhadap kesesuaian pemilihan dan penyusunan isi kandungan mata kurikulum pendidikan Ekonomi Asas serta kesesuaian kandungan kurikulum ini dengan tahap kesediaan pelajar. Di samping itu, kajian ini juga akan melihat penilaian guru terhadap kandungan buku teks dan Huraian Sukatan Pelajaran dalam menterjemah dan membantu guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Kajian ini dijalankan di sekolah-sekolah menengah di daerah Kemaman. Bilangan responden dalam kajian ini ialah tujuh guru yang mengajar mata pelajaran ini di tujuh buah sekolah di daerah Kemaman. Oleh kerana bilangan responden adalah kecil, dapatan kajian tidak boleh digunakan untuk membuat generalisasi tentang keseluruhan penilaian guru terhadap aspek kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas.